

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 MARCH 2015

POTA bukan bermotif politik

» *Badan berwibawa diberi kuasa cegah ancaman keganasan*

Oleh Faiza Zainudin dan Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menegaskan Akta Pencegahan Keganasan (POTA) yang akan dibentangkan di Parlimen, bukan bermotif politik.

Perdana Menteri berkata ia adalah usaha kerajaan mencegah sebarang ancaman keganasan daripada terus merebak sekali gus menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara.

Justeru, kuasa melaksanakan akta itu tidak diperuntukkan kepada anggota pentadbiran kerajaan sebaliknya sebuah badan berwibawa dan berintegriti supaya mereka yang terbabit dapat ditahan.

"Kita tidak harus bersikap pemaaf, mungkin orang kata ini bukan demokratik, hak kebebasan. Saya katakan tidak ada kebebasan mutlak... ke-

bebasan mutlak tanpa tanggungjawab tidak ada tempat dalam negara ini.

"Kita kena pastikan setiap warga negara bertindak mengikut lunas undang-undang dan kerajaan tidak ada niat menggunakan akta baharu ini untuk tujuan politik. Sebab itu kuasa menahan kita tidak letak pada anggota pentadbiran, kita letak pada badan berwibawa," katanya pada majlis perbarisan dan perhimpunan sempena Sambutan Hari Polis ke-208 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Semarak di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Perkukuh Akta Hasutan

Perdana Menteri berkata, selain menangani ancaman keganasan termasuk membabitkan kumpulan Negara Islam (IS), kerajaan memperkukuh Akta Hasutan 1948 bagi menjaga hubungan antara kaum dan agama di negara ini.

"Semua ini bertujuan menjaga sebelum sesuatu angkara berlaku pada negara kita. Lebih baik mencegah daripada merawat. Saya percaya lebih kalau kita ada undang-undang pencegahan yang boleh me-

nahan seseorang daripada melakukan sesuatu bentuk keganasan.

"Bila berlaku keganasan, ramai rakyat akan terkorban dan sebab itu kita mesti pastikan tidak berlaku sebarang bentuk keganasan dalam negara," katanya.

Beliau juga berkata ancaman media baharu yang cuba memecah-belahkan rakyat

BH-26/3/2015

"Kita kena pastikan setiap warga negara bertindak mengikut lunas undang-undang dan kerajaan tidak ada niat menggunakan akta baharu ini untuk tujuan politik. Sebab itu kuasa menahan kita tidak letak pada anggota pentadbiran, kita letak pada badan berwibawa"

Najib Razak,
Perdana Menteri

perlu ditangani bagi menjaga keharmonian negara.

"Mainan dalam media sosial, hasut menghasut antara kaum boleh menyebabkan ledakan perasaan yang serius di kalangan rakyat. Saya harap ledakan baharu ini dapat ditangani PDRM," katanya.

Pencerobohan perlu diberi perhatian serius

Najib juga berkata pencerobohan di kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESS-COM) dan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) juga perlu diberikan perhatian secara serius.

"Kita tidak tahu apa yang boleh berlaku. Kita tak boleh meramalkannya tetapi apabila kita meletakkan anggota pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi, kita dapat menghindarkan ancaman yang pernah berlaku lebih dua tahun lalu daripada berulang," katanya.

Najib berkata kerajaan akan terus menyokong perkembangan pasukan polis termasuk menambah keanggotaan serta aset berdasarkan kemampuan kewangan negara.

"Amat sukar membalas budi baik PDRM yang banyak menyumbang kepada keamanan negara dengan pelbagai peristiwa sejak zaman darurat sehingga peristiwa pencerobohan Lahad Datu," katanya.